

# Pesilat Indonesia perlu lebih waspada

B. Harian (M)

DAYA tahan fizikal 15 pesilat negara, termasuk lima pesilat wanita kini berada pada tahap yang baik bagi memastikan kejayaan di Sukan Sea, Manila, meskipun ia hanya merupakan acara pertunjukan.

Pengurus Latihan skuad pesilat negara ke sukan itu, Datuk Haji Nasir Haji Manap berkata, latihan secara sistematis yang diadakan sejak 9 Oktober lalu, berjaya meningkat daya tahan fizikal pesilat negara untuk menghadapi lawan yang kekuatan mereka tidak banyak diketahui.

Beliau yang juga Naib Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) berkata, pesilat negara tidak hanya dibekalkan dengan kekuatan daya tahan fizikal, malah mereka juga dibekalkan dengan kecerdasan mental.

"Kekuatan mental penting untuk membolehkan mereka mencari kelemahan lawan apabila masuk ke gelanggang.

"Langkah ini perlu, kerana tanpa keupayaan membaca kelemahan lawan, adalah terlalu sukar bagi seseorang pesilat itu hendak mencatat kejayaan sungguhpun daya tahan fizikalnya tinggi," katanya.

Pesilat negara akan berlepas ke Manila pada 23 November ini. Mereka ialah Mohd Basri Abdul Rahman dalam kelas A, Mohd Rafee Yaakob (kelas B), Sharudin Mohd Nor (C), Mohd Zakri Ibrahim (D), Roslan Hamid (E), Wan Mohd Aminuddin Baki (F), Zulfakjar Abdul Majid (G), Zakaria Hamzah (H), Mazlan Shaari (I).

22 NOV 1991



dan Zainal Amat (bebas).

Sementara pesilat wanita terdiri daripada Normala Yaakob (kelas A), Nurulhuda Md Sal-leh (B), Rosni Abd Majid (C), Anum Adnan (D) dan Maishafura Md Nor (E).

Datuk Haji Nasir berkata, dalam siri latihan yang diadakan dua peringkat iaitu di Pusat Latihan Polis (Pulapol) dan Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (Il-sas) Bangi, penekanan yang diberikan ialah kepada stamina, angkat berat, teknik serang tempur iaitu serangan, tangkisan, tangkapan, jatuh pukulan dan latihan mental.

Katanya, dengan pendekahan yang sistematik dan dilatih oleh bekas pesilat berpengalaman, Mohd Nor Mahmood, Ahmad Kushairi Ibrahim dan Ahmad Wardi Salim, dia yakin matlamat itu akan menjadi kenyataan.

Beliau berkata, cabaran yang mungkin dihadapi oleh pesilat negara datang daripada peserta Indonesia, tetapi peserta Malaysia lebih hebat untuk menangkis serangan lawan.